

Kerajaan mungkin perkenal cukai korporat berperingkat

BH 15 JUL 2001

Oleh KADIR DIKOH

PUTRAJAYA: Belanjawan 2002 yang bakal dibentangkan Oktober ini adalah belanjawan defisit tetapi pada masa yang sama, kerajaan mungkin memperkenalkan cukai korporat secara berperingkat bagi mengimbangi kehilangan pendapatan dan perbelanjaan mengurus.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan cuba mengurangkan defisit Belanjawan kali ini bagi mengawal aliran kewangan dan sebarang pemotongan cukai akan diambil-kira daripada pelbagai sudut bagi mengelak defisit yang lebih tinggi.

"Kita akan cuba kurangkan defisit kerana kita harus jaga kewangan kerajaan. Kalau kita belanja keterlaluan, kita akan hadapi masalah lebih besar.

"Esok kalau ekonomi kita merosot, kita mungkin menghadapi lebih banyak masalah," katanya selepas mempengerusikan sesi dialog PraBelanjawan 2002 di sini semalam.

Perdana Menteri turut ditanya sama ada kerajaan boleh memperkenalkan cukai korporat secara berperingkat iaitu kadar

yang tinggi dikenakan terhadap syarikat tersenarai dan kadar lebih rendah bagi industri kecil dan sederhana (IKS), supaya pendapatan kerajaan tidak terjejas apabila ia mengurangkan cukai korporat.

"Ya...kita boleh kaji kemungkinan itu, yang mana satu yang lebih baik," katanya yang juga Menteri Kewangan. Kadar cukai korporat sekarang ialah 28 peratus dan pada hari pertama sesi dialog itu Selasa lalu, beliau membayangkan kemungkinan ia dikurangkan.

Mengenai kebimbangan kakitangan awam kemungkinan tidak mendapat bonus jika pendapatan kerajaan berkurangan, berikutan langkah kemungkinan mengurangkan cukai korporat itu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji semua cadangan berkaitan dengan penurunan cukai.

"Ini kerana ada kalanya apabila kita kurangkan cukai, pendapatan kerajaan bertambah. Satu contoh ialah dulu kita kenakan cukai import yang tinggi untuk barangan mewah, kononnya barang mewah ini tidak perlu kita boleh kena cukai yang tinggi kerana hanya mereka yang

kaya saja nak guna.

"Tetapi kita dapati apabila kita kenakan cukai yang tinggi, rakyat menyeludup barangan ini masuk atau mereka pergi ke negara jiran di mana tidak ada cukai dan dengan itu, kita tak dapat memungut cukai walaupun peratusan cukai ini tinggi.

"Kita hapuskan cukai ini. Dengan penghapusan cukai itu, maka perniagaan dalam barangan mewah ini meningkat, banyak kedai dibuka untuk menjual barangan mewah ini dan ia dapat dijual dengan laris, bukan saja kepada penduduk tempatan malah kepada pelancong, orang asing," katanya.

Beliau berkata, kerana kedai yang menjual barangan mewah ini mendapat keuntungan, kerajaan dapat pungut cukai korporat yang banyak, bahkan jauh lebih banyak berbanding ketika dikenakan duti import ke atas barangan mewah.

Katanya, ia menunjuk, walaupun sesuatu cukai dimansuh, ia dapat menseimbangkan cukai lain dan sebab itu kerajaan perlu mengkaji terlebih dulu jika ia mahu mengurangkan cukai korporat sama ada ia akan membe-

ri galakan kepada perniagaan baru.

Bagaimanapun katanya, kemampuan kerajaan untuk melayan permintaan daripada pihak yang meminta pengurangan cukai, penambahan perbelanjaan dan sebagainya agak terhad.

Katanya, kerajaan tidak boleh mengurangkan cukai dengan begitu saja supaya perniagaan dapat banyak keuntungan atau belanja dengan lebih banyak untuk memperbaiki kualiti hidup rakyat.

Dr Mahathir berkata, jika kerajaan tidak berjaga-jaga serta mengurangkan cukai dan berbelanja dengan begitu banyak, negara akan menghadapi masalah defisit belanjawan yang tinggi serta kedudukan kewangan yang lemah.

"Jika keadaan ekonomi dan kewangan kita tak kuat dan jika kita diserang seperti yang berlaku pada krisis kewangan yang lalu, kita mungkin tak boleh pulihkan ekonomi negara.

"Oleh itu, sementara kita hendak melayan kehendak badan sosial, kerajaan perlu menentu-

kan kedudukan kewangannya tidak lemah kerana jika ada kejadian yang di luar bidang kuasanya berlaku di negara lain, Malaysia masih mampu mempertahankan kebebasannya dan kekuatan ekonominya," katanya.

Katanya, inilah antara mesej yang diperolehnya sejak mempengerusikan tiga sesi dialog iaitu satu pihak yang terbabit dengan perniagaan dan perusahaan dan di satu pihak ialah mereka yang ingin memperbaiki lagi keadaan sosial iaitu kualiti hidup.

Beliau berkata, peniaga dan pengusaha menumpukan kepada pengurangan cukai, tetapi pada masa yang sama ada pihak yang ingin memperbaiki kualiti hidup menumpukan kepada tambahan perbelanjaan.

"Jadi ada konflik antara dua kumpulan ini. Kalau kita kurangkan cukai, kadang-kadang kita kurangkan cukai kita dapat pungut lebih banyak tetapi kerap kali kita tak dapat pungut lebih banyak. Tetapi kita mahu memperbaiki kualiti hidup dan mesti belanja lebih banyak. Jadi kita mesti tangani pandangan yang berbeza ini," katanya.